

Mesyuarat MT kenal pasti punca prestasi merosot dalam pilihan raya

# Fitnah jejaskan BN

20 DEC 1999

Oleh AZNAN BAKAR  
dan ZULKIFLI JALIL

**K**UALA LUMPUR 19 Dis. — Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO hari ini mendapati kemerosotan prestasi Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum 29 November lalu berpunca daripada tindakan agresif dan berterusan pembangkang menyebarkan dakwah, pembohongan dan fitnah.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, hasil daripada analisis dan perbincangan dalam mesyuarat tersebut, banyak pendapat dikemukakan bahawa punca kemerosotan itu disebabkan oleh kempen Pas yang menyebarkan fitnah dan pembohongan.

Pas dalam pilihan raya umum itu dikesan secara agresif menyebarkan kepada rakyat pelbagai jenis surat berbentuk fitnah, gambar-gambar yang memburuk-burukkan para pemimpin UMNO, terutamanya Dr. Mahathir.

## Kelemahan

Selain itu, Internet telah digunakan secara meluas bagi menghebahkan bahan-bahan yang sengaja diada-adakan dan kemudiannya disebarkan kepada orang ramai melalui peti-peti surat.

Dr. Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, walaupun terdapat faktor lain seperti kelemahan dalam UMNO sendiri, namun fitnah dan pembohongan yang ditaburkan oleh Pas itu telah memberi kesan buruk terhadap BN.

Menurut beliau, BN tidak sempat bertindak balas bagi memberi penjelasan kepada rakyat kerana masa yang terlalu pendek untuk kempen pilihan raya.

"Kita tidak kalah, cuma kurang undi dan ia kerana kempen Pas menyebarkan fitnah dan pembohongan. Dalam jangka masa pendek kita ada pilihan raya, kita tidak sempat buat penjelasan (kepada rakyat)," katanya.

Analisis kemerosotan BN dalam pilihan raya itu didedahkan secara terbuka

■ Lihat muka 4

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

## Fitnah jejaskan BN

20 DEC 1999

kepada media selepas mesyuarat MT UMNO yang pertama selepas pilihan raya itu, di ibu pejabat UMNO di sini petang ini. BN dalam pilihan raya itu, bagaimanapun masih berjaya mengekalkan majoriti dua pertiga.

Menurut Dr. Mahathir, pada mesyuarat lebih tiga jam itu, ahli-ahli MT telah mengemukakan pelbagai sebab kemerosotan tersebut serta cadangan untuk mengatasinya.

"Banyak cadangan yang dikemukakan oleh ahli-ahli, kita ambil ingatan dan akan kaji apa yang perlu dibuat.

"Kita sedang kumpul semua bahan-bahan ini supaya kita dapat kaji apa yang boleh kita buat untuk menerangkan bahawa ini adalah pembohongan dan fitnah," katanya.

Perdana Menteri berkata, antara kempen Pas itu ialah menuduh Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad sebagai penternak babi serta menuduh beliau tidak mengiktiraf ulama.

Mereka juga, katanya, turut menyebarkan surat palsu kononnya watakah pelantikan calon pada pilihan raya lalu dikeluarkan oleh Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Khalil Yaakob atas kertas UMNO.

"Sebenarnya semuanya watakah dikeluarkan oleh saya atas kertas BN. Tidak ada watakah yang dikeluarkan oleh Khalil dan ini pun bukan tandatangan Khalil," katanya sambil menunjukkan surat palsu tersebut.

Beliau berkata, perkara seperti itu banyak berlaku dan disebarkan secara meluas terutama di masjid-masjid termasuk tuduhan bahawa beliau membenarkan pembinaan gereja di atas tanahnya.

"Itu disebarkan di semua masjid, termasuk saya tulis surat kepada Ehud Barak, Perdana Menteri Israel atas kertas kerajaan," katanya.

Perdana juga tidak menafikan bahawa salah satu sebab prestasi BN merosot kerana wujudnya kelemahan tertentu dalam UMNO yang turut dibincang pada mesyuarat itu.

Sebagai contoh, katanya, terdapat terlalu banyak kes kesetiaan kepada individu dan apabila individu tersebut tidak dipilih sebagai calon maka jentera parti gagal untuk bekerja.

Mengenai cadangan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar supaya UMNO mengambil lebih ramai calon daripada kalangan profesional, Dr. Mahathir berkata perkara itu perlu dikaji kerana ia ada kebaikan dan keburukan.

"Sementara ingin beri peluang kepada orang luar, kita juga perlu ambil kira jentera parti yang diketuai oleh ketua-ketua bahagian," jelasnya.